



Kajian terhadap syarat dan fenomena semasa dalam pembangunan program homestay di Malaysia

Velan Kunjuraman

Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan, Universiti Malaysia Kelantan

Correspondence: Velan Kunjuraman (email: velan1199@gmail.com)

Received: 26 December 2018; Accepted: 11 February 2019; Publish: 22 February 2019

Abstrak

Pada masa kini, program homestay di Malaysia telah menjadi suatu alat pembangunan komuniti luar bandar yang merupakan salah satu agenda pembangunan negara. Bagi menggalakkan dan mencapai pembangunan komuniti tersebut, komuniti seharusnya diberi peluang dan latihan yang secukupnya berkaitan bidang yang diceburi. Hal ini kerana, program homestay adalah satu mekanisme yang tepat dan berpotensi untuk meningkatkan taraf hidup komuniti yang kurang bernasib baik di kawasan luar bandar di Malaysia. Walau bagaimanapun, masih lagi komuniti di luar bandar menghadapi cabaran dari segi penyampaian sumber informasi berkaitan pembangunan homestay, khususnya syarat asas yang harus dipenuhi. Data primer dan sekunder telah diperolehi melalui kajian lapangan yang melibatkan dua buah homestay yang terkenal di Kundasang, Sabah. Kajian ini mendapati informasi berkaitan syarat asas pembangunan homestay harus disediakan oleh pihak agensi kerajaan agar komuniti luar bandar sedar dan berminat untuk turut terlibat. Selain itu, kajian ini mendapati fenomena semasa program homestay melalui kewujudan homestay komersial berbanding homestay tradisional yang diusahakan oleh komuniti bandar dan luar bandar. Kajian ini penting kepada pihak berkepentingan dalam industri pelancongan untuk mengenal pasti atau menambahbaik polisi sedia ada berkaitan program homestay. Kajian ini berharap bahawa para penyelidik program homestay juga boleh menggunakan data daripada kajian ini bagi menjalankan kajian tentang program homestay di Malaysia pada masa akan datang.

Kata kunci: homestay komersial, komuniti, luar bandar, pembangunan, penyertaan, syarat

Research on regulations and current phenomenon in homestay programme development in Malaysia

Abstract

In Malaysia, the homestay programme is instrumental in developing the livelihood of the rural communities in which community development is a part of the national development agendas. To cultivate and ultimately achieve community development, equal chances and ample training in their respective field must be given to the community. This is because the mechanism of homestay programme has the potential to uplift the state of the poor in the rural area of Malaysia. However, some local communities in rural areas are facing challenges in terms of limited access to information on homestay programme, particularly related to the needs of rules and regulations which should be fulfilled. Both primary and secondary data were gathered from fieldwork, which involves two popular homestays in Kundasang, Sabah. The study discovered that the basic regulations of homestay development must be relayed by the government agencies as an effort to improve awareness among the rural community and any interested party. On the other hand, the study also unveils that current phenomena of homestay programme can be observed through the increase of commercial homestay as opposed to the traditional homestay operated by the urban and rural communities. Hence, this article offers a discussion of the current issue in the homestay programme and basic regulations of homestay programme development in Malaysia drawn from secondary sources and from the experience of the researcher. This study is significant to the tourism stakeholders to identify or enhance the existing policies on the homestay programme. This study is hoped to provide data for future studies on the homestay programme in Malaysia.

Keywords: commercial homestay, community, rural area, development, participation, regulation

Pengenalan

Di Malaysia, jumlah ketibaan pelancong ke dalam negara mencatat sebanyak 25.9 juta dengan jumlah perbelanjaan telah mencatat sebanyak RM82.1 billion pada tahun 2017 (Jadual 1) dan diramalkan akan terus meningkat (Tourism Malaysia, 2018). Ketibaan para pelancong ke negara Malaysia adalah signifikan kerana mereka menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi negara. Oleh itu, peranan *state* adalah penting dalam merangka polisi-polisi pelancongan yang bersesuaian yang boleh membangunkan industri pelancongan dalam negara. Pembangunan industri pelancongan dalam negara perlu melibatkan semua pihak, khususnya pihak swasta melibatkan pakar dalam mencurahkan idea-idea bernas dalam aspek pemasaran industri pelancongan ke arena global. Baru-baru ini, pembentangan belanjawan 2019 telah memfokuskan penglibatan pihak swasta dalam pembangunan industri pelancongan bersama kerajaan melalui geran sepadan berjumlah RM100 juta bagi program promosi dan pemasaran pelancongan antarabangsa (MATTA, 2018). Hal ini dianggap baik kerana pembangunan industri pelancongan di Malaysia bukan sahaja terletak di bahu pihak kerajaan, malah pihak swasta dan komuniti setempat harus mengembleng tenaga dalam memasarkan industri pelancongan Malaysia ke peringkat global.

Bagi membangunkan industri pelancongan, kerajaan Malaysia telah mencadangkan peruntukan sebanyak 2 billion di bawah bajet 2018 bagi membantu pengusaha pelancongan dan pembangunan infrastruktur. Berdasarkan peruntukan 2 billion ini, sebanyak RM500 juta akan disalurkan bagi menambahbaikkan prasarana di lokasi pelancongan seperti ekopelancongan dan homestay. Berdasarkan kepada usaha kerajaan Malaysia dalam membangunkan industri pelancongan, anggaran telah menyatakan bahawa sektor pelancongan Malaysia akan menyumbang kepada RM 66.7 billion dalam Pendapatan Negara Kasar (PNK) pada tahun 2020 (Che Leh & Omar, 2013).

Jadual 1. Ketibaan pelancong dan pendapatan kepada Malaysia (2007-2017)

Tahun	Ketibaan (juta)	Pendapatan (billion)
2017	25.95	82.1
2016	26.76	82.1
2015	25.72	69.1
2014	27.44	72.0
2013	25.72	65.4
2012	25.03	60.6
2011	24.71	58.3
2010	24.58	56.5
2009	23.65	53.4
2008	22.05	49.6
2007	20.97	46.1

Sumber: Tourism Malaysia, 2018

Namun begitu, dalam usaha kerajaan mempertingkatkan dan memperkenalkan pelbagai program dan dasar dalam sektor pelancongan, satu komponen yang harus diberi perhatian serius iaitu komuniti setempat. Komuniti setempat dianggap komponen yang sangat signifikan yang harus diberi perhatian khusus dalam industri pelancongan kerana tanpa penyertaan komuniti sudah pasti segala program pembangunan pelancongan tidak akan mencapai objektif yang dikhendaki. Din (1997) beranggapan bahawa isu penyertaan komuniti dalam industri pelancongan adalah suatu hal yang serius. Penyertaan komuniti setempat dalam industri pelancongan penting kerana budaya yang dimiliki oleh komuniti tersebut boleh dijadikan sebagai suatu produk atau daya tarikan pelancongan di sesuatu destinasi pelancongan. Hal ini kerana komuniti setempat merupakan penghuni tetap di sesuatu destinasi pelancongan dan mempunyai pengalaman luas terhadap aspek persekitaran mereka. Mohammed (2008) juga menegaskan bahawa komuniti tempatan perlu dilibatkan dalam projek-projek pelancongan kerana mereka yang sebenarnya menerima kesan pembangunan, baik kesan positif atau kesan negatif. Justeru itu, segala perancangan dan dasar yang diperkenalkan dalam industri pelancongan mempunyai kesan langsung atau tidak langsung terhadap kesejahteraan hidup komuniti setempat tersebut.

Pelancongan berasaskan komuniti melalui program homestay adalah salah satu aktiviti pelancongan yang diusahakan oleh komuniti setempat di kawasan luar bandar. Program homestay telah mendapat sambutan baik oleh pelancong domestik, mahupun antarabangsa. Program ini melibatkan kehidupan harian komuniti sebagai produk pelancongan dalam program homestay yang menarik minat mereka. Walau bagaimanapun, perusahaan program homestay yang baik dan mengikut syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia adalah mustahak bagi mencapai manfaat yang diinginkan oleh pengusaha homestay.

Terdapat beberapa kajian lepas berkaitan program homestay di Malaysia mendapati bahawa kelestarian program homestay boleh dipersoalkan kerana terdapat beberapa cabaran dalaman dan luaran yang menjadi penghalang (Kunjuraman, 2016; Kunjuraman et al., 2015; Kunjuraman & Hussin, 2017; Mohd Nor & Kayat, 2010; Pusiran & Xiao, 2013). Oleh itu, artikel ini akan membincangkan syarat-syarat asas yang ditetapkan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia yang harus dipenuhi oleh para pengusaha homestay yang ingin menyertai dalam program homestay di kawasan mereka.

Kajian literatur

Program homestay

Definisi bagi konsep homestay atau inap desa sering dibezakan mengikut situasi dalam negara-negara yang terlibat (Jadual 2). Sehubungan itu, homestay merujuk kepada satu bentuk penginapan atau satu bentuk kemudahan tempat tinggal di mana pelancong diberi peluang untuk tinggal bersama dengan keluarga tuan rumah (*host*) yang dipilih untuk berinteraksi serta mengalami cara hidup seharian keluarga tersebut. Selain daripada aktiviti sosiobudaya komuniti, pelancong berpeluang untuk menikmati keindahan alam semula jadi dan berpeluang untuk turut serta dalam aktiviti-aktiviti berasaskan alam sekitar seperti aktiviti konservasi hutan, *river cruise*, *jungle trekking* dan lain-lain. Berdasarkan kajian lepas, program homestay mula diperkenalkan sebagai suatu konsep percutian bermula di Eropah pada lewat tahun 1970-an (Mapjabil & Che Ismail, 2012; Mapjabil et al., 2015).

Di Australia, istilah homestay digunakan sebagai tempat penginapan kepada penuntut-penuntut akademik antarabangsa (Richardson, 2002). Cadangan projek ini menyatakan bahawa bilangan pelajar antarabangsa akan meningkat sebelum tahun 2025, iaitu lebih daripada 560,000 pelajar antarabangsa akan melanjutkan pelajaran ke peringkat institusi pengajian tinggi di Australia (Bohm et al., 2002). Pelajar yang berasal dari negara lain akan tinggal bersama dengan keluarga angkat sehingga tamat tempoh pengajian mereka. Richardson (2002) menjelaskan penggunaan istilah homestay di Australia ialah konsep persinggahan melibatkan individu tinggal bersama dengan keluarga angkat yang dipilih dan mempunyai penginapan konsep *bed and breakfast* dan penginapan pelajar antarabangsa.

Menurut Knight dan Schmidt-Rinehart (dalam Richardson, 2002), “homestay dibentuk sebagai suatu yang ideal iaitu pelajar antarabangsa akan berhadapan dengan budaya dan bahasa dalam persekitaran keluarga yang selamat dan rapat”.

Jadual 2. Konsep homestay di beberapa negara

Negara	Konsep homestay
Amerika Syarikat	Homestay pertanian (<i>Agricultural homestay</i>), Homestay pendidikan (<i>Educational homestay</i>)
Canada	Homestay budaya (<i>Cultural homestay</i>), <i>Farmstay</i> , Homestay warisan (<i>Heritage homestay</i>)
Australia	<i>Farmstay</i>
Japan	<i>Home visit</i> , Homestay pendidikan (<i>Educational homestay</i>)
Korea Selatan	Homestay pendidikan (<i>Educational homestay</i>)
Afrika Selatan	<i>Leisurestay</i>
New Zealand	<i>Farmstay</i> , <i>Cottage homestay</i>

Filipina	Homestay budaya (<i>Cultural homestay</i>)
Thailand	Homestay pelajar (<i>Student homestay</i>), Homestay sukarelawan (<i>Volunteer homestay</i>), Homestay budaya (<i>Cultural homestay</i>)
Singapura	Homestay bandar (<i>Urban homestay</i>)
Indonesia	Homestay budaya (<i>Cultural homestay</i>), <i>Leisure homestay</i>

Sumber: Ahmad et al., 2011

Istilah homestay dalam industri pelancongan adalah bersifat komersial iaitu melibatkan penggunaan wang, perkhidmatan dan lain-lain. Program homestay dianggap sebagai salah satu produk pelancongan yang kian hari mendapat perhatian oleh orang ramai, khususnya pelancong yang melawat ke negara asing. Terdapat juga dua pihak yang saling berkait rapat dan mendapat kebaikan dalam aktiviti ini iaitu tuan rumah (*host*) dan tetamu. Kedua-dua pihak ini berkongsi pelbagai aspek kehidupan seharian yang merangkumi aspek sosial, budaya, ekonomi dan lain-lain lagi (Yong, 2010). Proses interaksi yang terjalin berlaku di antara kedua-dua pihak ini bukan sahaja mempengaruhi mereka untuk turut serta dalam aktiviti yang dianjurkan, tetapi melibatkan seluruh komuniti setempat.

Di Malaysia, program homestay telah dilancarkan pada tahun 1995 di Temerloh, Pahang dengan menawarkan perkhidmatan penginapan istimewa kepada pelancong. Penekanan terhadap layanan mesra di kediaman penduduk tempatan diberikan dengan dikenakan bayaran yang berpatutan. Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia mendefinisikan homestay sebagai satu bentuk pengalaman yang melibatkan pelancong tinggal bersama keluarga tuan rumah yang telah berdaftar dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Selain itu, program ini berbeza dengan konsep kemudahan penginapan yang lain seperti *Bed & Breakfast* (B&B) iaitu tidak ada keluarga yang tinggal bersama dan sistem pengurusannya adalah seperti pengurusan hotel biasa. Di India, konsep B&B and homestay diintegrasikan bersama sebagai satu bentuk penginapan alternatif kepada para pelancong yang tidak membezakan ciri-ciri homestay dan B&B (Gunasekaran & Anandkumar, 2012). Hal ini agak berbeza di Malaysia. Perbezaan yang ketara adalah di Malaysia, konsep homestay menekankan unsur *local touch*. Para pelancong harus tinggal bersama dengan tuan rumah serta menjalankan aktiviti harian tuan rumah sebagai produk pelancongan berbanding B&B yang tidak menekankan elemen tinggal bersama dengan tuan rumah. Selain itu, Persatuan Homestay Sabah mendefinisikan homestay sebagai “*a place where travellers can stay and live with a local host family in their family home*”.

Program homestay di Malaysia menitikberatkan unsur sosiobudaya komuniti di luar bandar dan aspek lain seperti makanan tradisional serta aktiviti ekonomi yang menjadi produk dalam program homestay. Dalam program homestay, terdapat beberapa aktiviti yang menjadi tarikan pelancong yang meliputi budaya dan gaya hidup, aktiviti ekonomi, rekreasi, dan pemuliharaan alam sekitar. Misalnya, aktiviti yang berunsurkan pemuliharaan alam sekitar seperti ‘*The Malaysia rail explorer*’ ialah satu pakej homestay baharu yang melibatkan para pelancong menimba pengalaman di Homestay Kelantan. Aktiviti homestay telah diberi beberapa konsep iaitu menekankan penglibatan sesebuah komuniti secara langsung dalam aktiviti tersebut. Selain itu, program ini dapat meningkatkan pendapatan kepada peserta khususnya mereka yang tinggal di kawasan luar bandar. Setelah menghayati beberapa konsep program homestay dalam dan luar negara, kajian ini mendefinisikan program homestay adalah satu bentuk penginapan alternatif yang disediakan oleh hos atau tuan rumah kepada pelancong dan pelancong akan tinggal bersama tuan rumah. Oleh itu, pelancong akan menikmati pengalaman bersama orang kampung dan terlibat dalam pelbagai aktiviti kebudayaan komuniti setempat.

Di Sabah, program homestay telah diperkenalkan pada awal tahun 1990an iaitu usaha daripada agensi-agensi kerajaan dan swasta (Yong, 2010). Program homestay telah dikenal pasti sebagai satu program yang mampu meningkatkan pendapatan negara dan memberi manfaat kepada komuniti yang terlibat. Di Sabah, terdapat beberapa program homestay yang menjadi tumpuan para pelancong seperti Balai Kito Homestay, Kuposizon Homestay, Tanak Nabalu Homestay, Tambunan Village Homestay, Mitabang Homestay, Bilit Homestay, Walai Tokou Homestay Kundasang, Atamis Homestay, Miso Walai Homestay Kinabatangan, Misompuru Homestay Kudat, Kampung Pukak Homestay, Penampang Homestay, Kampung Dagat Homestay, Melangkap Homestay, Long Pasia Homestay, dan Moido Walai Toko Homestay. Kesemua homestay tersebut adalah unik dari segi produk yang ditawarkan dan berpotensi untuk menarik minat para pelancong ke negeri Sabah. Homestay di Kundasang semakin popular dalam kalangan pelancong disebabkan oleh cuaca yang sejuk dan pemandangan yang indah serta sosiobudaya komuniti yang unik (Hussin & Kunjuraman, 2014). Ketibaan pelancong yang ramai, komuniti setempat khususnya para pengusaha homestay boleh menerima manfaat ekonomi, sekali gus mempunyai pandangan positif terhadap program homestay.

Metod dan kawasan kajian

Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kualitatif dengan menggunakan pemerhatian dan kajian data sekunder sebagai kaedah kajian. Data sekunder berkaitan dengan syarat pembangunan homestay diperolehi daripada laman web Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) yang harus diketahui oleh bakal pengusaha homestay supaya proses pendaftaran program homestay berjalan lancar. Selain itu, statistik terkini berkaitan dengan ketibaan pelancongan ke Malaysia dan pendapatan diperolehi juga daripada laman web MOTAC yang membuktikan industri pelancongan di Malaysia semakin berkembang dari semasa ke semasa. Kaedah pemerhatian dilakukan di lapangan iaitu di Kundasang, Sabah untuk mendapatkan data berkaitan fenomena semasa program homestay baharu iaitu program homestay komersial di Sabah. Kajian ini telah dilakukan di dua buah homestay iaitu Walai Tokou Homestay dan Atamis Homestay yang terkenal di Kundasang, Sabah. Pemerhatian dilakukan di kedua-dua homestay ini dan penyelidikan tinggal bersama dengan tuan rumah selama dua minggu untuk mendapatkan data. Selain itu, data kajian ini dianalisis berdasarkan teknik analisis tematik. Teknik analisis tematik membantu untuk mengenal pasti tema-tema yang bersesuaian untuk mencapai objektif kajian ini dan diinterpretasikan secara mendalam.

Hasil kajian dan perbincangan

Syarat asas pembangunan program homestay di Malaysia

Pembangunan program homestay di Malaysia diberi perhatian serius oleh pihak kerajaan dan komuniti di luar bandar kerana mampu memberi pulangan yang tinggi kepada ekonomi negara, di samping meningkatkan pendapatan isi rumah. Oleh itu, pelbagai usaha untuk meningkatkan prestasi program homestay perlu dilaksanakan dengan sistematik supaya dapat dikekalkan dan memberi faedah kepada komuniti yang terlibat. Pada masa kini, kerajaan Malaysia khususnya MOTAC amat menggalakkan penglibatan komuniti luar bandar dalam program homestay kerana

dianggap sebagai wadah untuk membangunkan taraf hidup komuniti tersebut. Bagi sesiapa yang berminat boleh melibatkan diri dalam program ini dan harus mematuhi peraturan-peraturan dan garis panduan yang ditetapkan oleh MOTAC. Garis panduan ini menjadi rujukan penting bagi pengusaha yang mengendalikan program homestay di kampung halaman mereka dan memastikan ianya dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan terkawal. Penyertaan di dalam program ini dibuka kepada semua rakyat Malaysia yang berkeluarga dan tinggal di suatu kediaman rumah yang tetap. Proses permohonan boleh dilakukan ke alamat Program Homestay, Bahagian Perkhidmatan Pelancongan, MOTAC.

Terdapat beberapa syarat asas dan umum harus dipatuhi oleh mereka yang berminat untuk menubuhkan program homestay. Syarat asas dalam program homestay ini ialah Kursus asas Pelancongan Desa yang dianjurkan oleh Institut Kemajuan Desa (INFRA), Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan harus disertai oleh bakal pengusaha homestay. Selain itu, pengusaha homestay juga akan menerima sijil Pengendalian Homestay daripada MOTAC sebagai bukti kehadiran dalam kursus tersebut. Bakal pengusaha homestay haruslah sedar terhadap beberapa syarat asas sebelum menubuhkan sesebuah program homestay seperti yang ditetapkan oleh MOTAC seperti berikut:

- (1) Perlu menyediakan sekurang-kurangnya 10 buah rumah bagi setiap kelompok (*cluster*) homestay bagi sesebuah kampung;
- (2) Harus mempunyai sekurang-kurangnya 10 unit rumah di dalam sesebuah kluster rumah panjang yang berkenaan;
- (3) Mempunyai akses dari segi perhubungan dan pengangkutan atau ketersampaian;
- (4) Mempunyai sikap tindak dan fikir pelancongan;
- (5) Menjamin tahap kebersihan dan keselamatan yang optimum;
- (6) Mengadakan aktiviti-aktiviti masyarakat desa seperti menoreh getah, sawah padi, memancing serta memetik koko dan kelapa; dan
- (7) Melibatkan permainan sukan tradisional dan kebudayaan seperti congkak, sepak raga, caklempong dan tarian rakyat.

Berdasarkan kepada *ASEAN Homestay Standard (AHS)*, kajian ini mendapati bahawa terdapat dua kriteria asas seperti aspek pemasaran dan prinsip kelestarian tidak diberi perhatian dalam garis panduan program homestay di Malaysia. Hal ini penting diambil kira oleh pengubal polisi pelancongan Malaysia supaya kelestarian program homestay dapat dijamin dan kekal dijadikan sebagai alat pembangunan komuniti di kawasan luar bandar.

Sebelum berdaftar dengan MOTAC, setiap bakal pengusaha homestay perlu (MOTAC, 2014):

- (1) Lulus pemeriksaan rumah yang diseliasa oleh MOTAC melalui Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia Negeri (PKPKN) dengan kerjasama Jabatan Kesihatan, Tourism Malaysia, Majlis Pengurusan Kemajuan Kampung (MPKK) (dahulunya dikenali sebagai JKKK) dan Persatuan Homestay Negeri.
- (2) Menghadiri Kursus Asas Homestay anjuran Institut Kemajuan Desa (INFRA), Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Terdapat pelbagai syarat umum (Jadual 3) yang harus dipenuhi untuk mendapat kelayakan menjadi peserta homestay (MOTAC, 2014) iaitu:

Jadual 3. Syarat-syarat asas program homestay

Perkara	Syarat-syarat penyertaan
Lokasi rumah kediaman	<ul style="list-style-type: none"> Lokasi rumah kediaman haruslah di dalam kawasan yang sesuai dari segi perhubungan pengangkutan; Bebas daripada sebarang sumber pencemaran; Persekitaran yang sesuai supaya dapat memaparkan cara hidup masyarakat Malaysia.
Kemudahan asas	<ul style="list-style-type: none"> Rumah kediaman bagi tujuan program homestay harus mempunyai keluasan yang sesuai dan pelancong yang menginap hendaklah ditempatkan di bilik yang berasingan; Setiap homestay hanya dibenarkan 4 buah bilik dengan ruang keluasan yang sesuai untuk disewakan kepada pelancong bagi menjamin keselesaan; Keselesaan pelancong adalah penting dengan menyediakan bilik mandi, tandas, ruang makan dan ruang tamu dan kemudahan asas lain yang sesuai; Penyediaan dan pembekalan makan/minum, tuala, ubat nyamuk, kelambu dan kain sarong/batik adalah atas permintaan oleh pelancong dan ianya akan dikenakan bayaran; Kebersihan persekitaran adalah penting dan penyelenggaraan rapi ke atas semua kemudahan asas hendaklah dibuat bagi memastikan pelancong berasa selesa.
Kebersihan	<ul style="list-style-type: none"> Kawasan persekitaran rumah bagi tujuan program homestay haruslah bersih dan bebas dari sampah sarap yang menjadi tempat pembiakan nyamuk dan lalat; Sistem pembuangan air dan perparitan yang baik hendaklah diadakan bagi mengelakkan bau busuk.
Keselamatan	<ul style="list-style-type: none"> Perlindungan insuran bagi para pelancong adalah penting Bagi pelancong berkumpulan perlindungan insuran hendaklah diuruskan oleh syarikat pelancongan; Bagi pelancong perseorangan (FIT), tuan rumah dinasihatkan mengambil insurans daripada mana-mana syarikat insurans yang berdaftar.

Sumber: MOTAC, 2014

Berdasarkan kepada syarat di atas, empat aspek penting yang harus diberi perhatian oleh bakal pengusaha homestay ialah lokasi homestay, kebersihan, kemudahan asas dan keselamatan. Pertama, lokasi homestay haruslah berada di dalam kawasan yang sesuai dari segi perhubungan pengangkutan, bebas daripada sebarang pencemaran alam sekitar, mempunyai persekitaran yang sesuai serta dapat memaparkan cara hidup masyarakat setempat. Selain itu, program homestay ini dapat memberi manfaat kepada pengusaha homestay jika mereka memenuhi ciri-ciri ini. Manakala, dari segi kebersihan pula kawasan persekitaran rumah perlulah bersih dan bebas dari sampah sarap yang menjadi tempat pembiakan nyamuk dan lalat. Malah, sistem pembuangan air dan perparitan hendaklah berada dalam keadaan baik untuk mengelakkan pencemaran. Aspek seterusnya ialah kemudahan asas dalam program homestay. Rumah kediaman pengusaha homestay hendaklah mempunyai keluasan yang sesuai bagi pelancong yang hendak menginap di bilik yang berasingan. Kemudahan asas yang menjadi perhatian para pelancong termasuklah menyediakan bilik mandi, tandas, ruang makan, ruang tamu serta kemudahan yang sesuai misalnya internet. Tambahan pula, penyediaan dan pembekalan makanan, minuman, tuala, ubat nyamuk, kelambu, dan kain sarung boleh disediakan atas permintaan oleh pelancong, namun akan dikenakan bayaran. Selain itu, semua kemudahan asas dalam homestay ini harus

diselenggara dengan rapi bagi memastikan keadaan sentiasa bersih dan memberi kepuasan kepada pelancong yang mengadakan lawatan.

Aspek keselamatan dalam program homestay juga menjadi satu elemen penting yang harus diberi perhatian kerana melibatkan nyawa seseorang individu. Dalam program homestay, peserta digalakkan untuk mengambil kursus tentang pencegahan aspek kecemasan misalnya kebakaran, dan perlu menyediakan alat-alat keselamatan seperti pemadam api di dalam rumah. Oleh itu, perlindungan insuran adalah diperlukan bagi melindungi keselamatan pihak-pihak terlibat khususnya para pelancong yang akan mendapat perlindungan sekiranya sebarang bentuk kemalangan berlaku. Terdapat dua kaedah untuk mendapatkan perlindungan insuran iaitu pertama, perlindungan insuran bagi pelancong berkumpulan yang diurus oleh syarikat pelancongan swasta yang bertanggungjawab, justeru pelancong akan dilindungi oleh insuran tersebut. Kedua, bagi pelancong perseorangan (FIT), pengusaha homestay dinasihati untuk mengambil insuran sendiri daripada mana-mana syarikat insuran yang berdaftar. Di samping itu, langkah-langkah keselamatan seperti pencegahan kebakaran perlulah diambil kira oleh pengusaha homestay. Tambahan lagi, isu keselamatan pelancong dalam pelancongan berasaskan komuniti melalui program homestay harus ditekankan oleh pengusaha homestay, khususnya di Sabah. Hal ini telah ditekankan oleh penyelidik pelancongan dan kajian yang mendalam berkaitan dengan isu ini perlu dilakukan oleh para penyelidik pelancongan pada masa hadapan (Kunjuraman & Hussin, 2017).

Jadual 4. Statistik homestay yang berdaftar sehingga 31 Ogos 2018

Negeri	Jumlah homestay	Jumlah kampung	Jumlah pengusaha	Jumlah bilik
Perlis	3	3	56	64
Kedah	16	22	345	442
Pulau Pinang	11	28	234	264
Perak	11	41	305	409
Selangor	15	34	434	694
Melaka	9	9	137	217
Negeri Sembilan	13	33	288	435
Johor	24	48	497	663
Kelantan	8	9	152	182
Terengganu	10	10	185	187
Pahang	16	21	323	450
Sarawak	41	47	601	866
Sabah	28	47	369	650
Labuan	3	3	79	97

Sumber: MOTAC, 2018

Apabila semua syarat telah dipenuhi, pengusaha homestay boleh menjalankan aktiviti pelancongan homestay di kawasan mereka dengan sempurna. Berdasarkan statistik, program homestay telah mendapat sambutan baik apabila komuniti setempat di kawasan pedalaman berminat untuk menjadi pengusaha homestay sepertimana data statistik dikeluarkan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (Jadual 4). Terdapat beberapa buah homestay berjaya ditubuhkan di kawasan pedalaman Semenanjung Malaysia, Sarawak dan

Sabah seperti dalam Jadual 5. Diharapkan lebih ramai pengusaha homestay akan berdaftar pada masa akan datang dan kelestarian program homestay di Malaysia akan terjamin.

Jadual 5. Statistik homestay negeri Sabah sehingga 31 Ogos 2018

Homestay	Bilangan kampung	Bilangan peserta	Jumlah bilik
Homestay Mitabang, Tuaran	- Kg. Tulung-Mantob	12	22
Homestay Kg. Pukak, Tuaran	- Kg. Pukak	8	15
Homestay Misompuru, Kudat	- Kg. Minyak	34	68
	- Kg. Tinutudan		
	- Kg. Lajong		
	- Kg. Rampai Selatan		
Homestay Miso Walai, Kinabatangan	- Kg. Batu Putih	19	31
	- Kg. Menggaris		
Homestay Balai Kito, Sukau, Kinabatangan	- Kg. GDW Sukau	12	22
Homestay Kg Bilit, Kinabatangan	- Kg. Bilit	11	23
Homestay Moido Walai Toko, Kuala Abai, Kinabatangan	- Kg. Kuala Abai	4	7
Homestay Kg Dagat, Lahad Datu	- Kg. Dagat, Hilir Segama	4	9
Homestay Melangkap, Kota Belud	- Kg. Melangkap Baru	9	22
Homestay Taginambur, Kota Belud	- Kg. Taginambur Jaya	21	39
Homestay Kg Lobong-Lobong (Tanak Nabalu), Kota Belud	- Kg. Lobong-Lobong	8	12
Homestay Kg Long Pasia, Sipitang	- Kg. Long Pasia	15	28
Homestay Walai Tokou, Kg Sinisian, Ranau	- Kg. Sinisian	26	53
	- Kg. Mesilou		
Homestay Kuposizon, Papar	- Kg. Papaga	20	41
	- Kg. Biau		
	- Kg. Ghana		
	- Kg. Kepimpinan		
	- Kg. Limbahau		
	- Kg. Novoung		
	- Kg. Limputong		
	- Kg. Keranaan		
Homestay Tambunan	- Kg. Keranaan	10	19
Homestay Penampang, Sabah	- Kg. Pogunan	18	32
	- Kg. Kivitu		
	- Kg. Touron Kolopis		
	- Kg. Pagansakan		
	- Kg. Putaton		
	- Kg. Babah/Hubah		
Homestay Kota Klias, Beaufort	- Kg. Kota Klias	11	11

Sumber: MOTAC, 2018

Fenomena semasa program homestay di Malaysia

a. Transformasi homestay tradisional kepada homestay komersial di kawasan luar bandar

Adalah benar program homestay di Malaysia menjadi salah satu mekanisma untuk membasmi kemiskinan dalam kalangan penduduk di kawasan luar bandar. Program homestay mampu

melahirkan modal insan yang mahir dalam bidang keusahawanan, memupuk keyakinan diri dan sikap berani mengambil risiko. Selain itu, program homestay juga membantu sedikit sebanyak pembangunan infrastruktur di kawasan pedalaman kampung seperti pembinaan jalan raya, kemudahan asas seperti bekalan elektrik dan air serta jaringan komunikasi yang baik. Terdapat beberapa homestay di Malaysia telah menawarkan perkhidmatan yang cukup baik kepada para pelancong sehingga menjadi buah mulut dalam akhbar tempatan. Sebagai contoh, terdapat lima buah homestay di Malaysia telah mendapat anugerah homestay terbaik berdasarkan kepada syarat yang ditetapkan oleh AHS. Lima buah homestay yang tersenarai adalah seperti Kampung Santubong Homestay di Sarawak, Homestay Miso Walai di Sabah, Homestay Banghunis di Selangor, Homestay Kampung Lonek di Negeri Sembilan, dan Homestay Kampung Taman Sedia di Pahang. Hal ini membuktikan program homestay di Malaysia mampu menawarkan perkhidmatan yang baik bertaraf antarabangsa serta menjadi pilihan produk pelancongan dalam kalangan para pelancong. Keistimewaan program homestay di Malaysia dapat dilihat melalui produk pelancongan yang berasaskan budaya tempatan seperti persembahan tarian, makanan dan permainan tradisional sesuatu kaum. Keunikan program homestay di Malaysia ini juga menjadi tarikan kepada para pelancong antarabangsa yang berlainan latar belakang dan budaya. Dalam konteks ASEAN, program homestay di Malaysia yang berbentuk integrasi boleh memberi impak positif kepada perkembangan budaya tempatan dan boleh mempromosikan sebagai produk pelancongan melalui program homestay kepada pelancong antarabangsa.

Pada masa ini, terdapat banyak homestay di Malaysia boleh dikatakan bertentangan dengan konsep program homestay sebenar. Hasil pemerhatian selama lapan tahun dalam kajian program homestay mendapati bahawa beberapa homestay yang popular yang terdapat di Sabah tidak memenuhi konsep asas sebenar program homestay. Misalnya, di Walai Tokou Homestay di Kampung Sinisian dan Atamis Homestay di Kampung Mesilau, Kundasang mendapati hampir sebahagian homestay tidak menghayati konsep sebenar program homestay. Hal ini dapat dibuktikan apabila para pengusaha homestay ini menyediakan sebuah rumah yang berasingan daripada rumah mereka untuk para pengunjung untuk beberapa malam sahaja dan mengenakan bayaran tertentu. Mereka tidak tinggal bersama pelancong dan hal ini adalah bertentangan dengan konsep asas program homestay iaitu tuan rumah harus tinggal bersama dengan pelancong serta menawarkan pengalaman sebenar kampung halaman dan cara hidup komuniti setempat. Kurang penghayatan konsep program homestay dalam kalangan pengusaha homestay di Kundasang berlanjutan sehingga kini dan mungkin memberi tafsiran yang salah kepada para pengusaha homestay pada masa akan datang. Berdasarkan pemerhatian, sebahagian program homestay yang diusahakan di Kundasang adalah mirip dengan program *kampungstay*, B&B atau Homestay komersial (*commercial homestay*). Pemerhatian turut mendapati perbezaan utama bagi ketiga-tiga bentuk penginapan yang dinyatakan di atas ialah tempoh jangka masa penginapan oleh para pelancong. Ketiga-tiga bentuk penginapan tersebut mempunyai jangka masa penginapan yang berbeza, misalnya lebih daripada dua hari dan kurang daripada tujuh hari.

Selain itu, pengalaman homestay di Kundasang boleh dikatakan telah memberi kefahaman yang baharu berkaitan evolusi homestay. Evolusi ini dapat dilihat daripada homestay tradisional kepada homestay komersial atau persendirian. Para pengusaha homestay di Kundasang mula menerima transformasi ini kerana konsep homestay sebenar sudah pun lapuk atau ketinggalan pada pandangan mereka. Berdasarkan pandangan mereka, program homestay yang menitikberatkan elemen tinggal bersama dengan tuan rumah tidak lagi relevan disebabkan oleh sebahagian besar para pelancong menginginkan privasi semasa melancong. Oleh itu, mereka gemar dan seronok untuk mentransformasikan program homestay mereka daripada homestay

bersifat tradisional kepada homestay komersial atau persendirian. Homestay komersial ini adalah agak baru dalam industri pelancongan dan mula berkembang di seluruh Malaysia. Sehubungan dengan itu, konsep baru ini dapat lihat di Kundasang dan hampir semua para pengusaha homestay telah mengusahakan homestay komersial sebagai punca pendapatan harian. Berdasarkan kajian ilmiah, homestay komersial adalah satu evolusi baru dalam program homestay dan belum ada kajian ilmiah yang menilai kerelevanan homestay komersial pada masa kini. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa perbezaan antara konsep homestay tradisional dan homestay komersial dapat dilihat dari segi layanan tuan rumah dan lokasi homestay. Kajian ini mendapati konsep homestay tradisional di kawasan luar bandar telah mengalami transformasi kepada konsep homestay komersial. Sub-tema seterusnya membincangkan ciri-ciri konsep homestay komersial dengan terperinci.

b. Ciri-ciri homestay komersial

Fenomena homestay komersial telah pun mula dikenal pasti pada tahun 2012 di Kundasang dan terus berkembang sehingga sekarang. Di samping itu, terdapat beberapa ciri-ciri asas yang dikenal pasti dalam homestay komersial di Kundasang, Sabah. Pertama, elemen asas dalam homestay komersial adalah pengasingan (*separation*). Berdasarkan pemerhatian, homestay komersial bermaksud pelancong tinggal berasingan dan jauh sedikit daripada tuan rumah (*host*) dan dibekalkan dengan kemudahan asas dalam sebuah rumah. Selain itu, rumah yang dihuni oleh pelancong mempunyai lebih dari dua bilik dan dilengkapi dengan segala kemudahan asas seperti, dapur, tandas, televisyen dan lain-lain. Walau bagaimanapun, pelancong akan dilayan dengan baik oleh pengusaha homestay komersial supaya pelancong berasa dihargai dan seronok. Kedua, homestay komersial adalah milik pengusaha dan mirip dengan konsep B&B dan kampungstay (*villagestay*). Pelancong yang tinggal di homestay komersial akan berasa tenang dan bersendirian dengan ahli keluarga atau kawan jika melancong secara berkumpulan. Adalah biasa homestay komersial ini adalah popular dalam kalangan pelancong berkumpul dalam negara mahupun luar negara. Akhir sekali, homestay komersial boleh dikatakan fenomena baharu dan tidak sama dengan konsep homestay daripada MOTAC iaitu konsep *stay away* ditekankan dalam konsep homestay komersial. Oleh itu, sudah tiba masa pihak penggubal polisi untuk mendaftarkan secara rasmi homestay komersial dan perlu merangka panduan untuk tujuan pendaftaran pihak yang berminat. Transformasi program homestay tradisional kepada homestay komersial boleh dikatakan sesuai pada masa ini di Kundasang, Sabah kerana merupakan salah satu permintaan para pelancong yang menginginkan privasi.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, artikel ini telah membincangkan syarat pembangunan program homestay yang ditetapkan oleh MOTAC yang harus dipenuhi oleh bakal pengusaha homestay di Malaysia. Hal ini penting kerana setiap pengusaha homestay perlu meneliti syarat homestay supaya program homestay dapat dijalankan tanpa ada sebarang masalah teknikal dari segi pendaftaran. Misalnya, pembangunan program homestay di Pulau Bum Bum, Semporna, Sabah pada awalnya menghadapi banyak masalah dari segi teknikal dan tidak diluluskan oleh pihak agensi pelancongan. Masalah teknikal yang dimaksudkan adalah homestay di Pulau Bum Bum tidak memiliki kemudahan asas seperti bekalan air bersih, tandas dan bekalan elektrik yang tidak

konsisten (Kunjuraman, 2016). Oleh itu, syarat pembangunan program homestay penting untuk dipenuhi oleh bakal pengusaha homestay pada masa akan datang. Selain itu, artikel ini juga berjaya menerangkan senario semasa program homestay di Malaysia iaitu transformasi program homestay tradisional kepada program homestay komersial. Sebagai bukti, program homestay komersial di Kundasang, Sabah telah memberi gambaran awal berkaitan fenomena homestay komersial. Hal ini penting untuk didokumentasikan supaya pihak berkepentingan boleh mengambil tindakan yang sewajarnya dari segi polisi dan aktiviti bina upaya komuniti di luar bandar.

Kajian berkaitan program homestay adalah penting dilaksanakan di Malaysia kerana melibatkan penyertaan komuniti untuk membangunkan taraf sosioekonomi mereka. Terdapat banyak lagi isu dalam program homestay masih belum diteroka seperti fenomena program homestay komersial di Malaysia. Oleh itu, penyelidik masa akan datang perlu menjalankan kajian berkaitan program homestay komersial di seluruh negara kerana homestay ini merupakan suatu fenomena yang baharu dan masih perlukan bukti empirikal. Akhir sekali, program homestay di Malaysia boleh berkembang jika komuniti setempat di kawasan luar bandar menganggap program homestay sebagai salah satu alat pembangunan komuniti dan kawasan luar bandar. Kelestarian program homestay boleh dikekalkan dengan kerjasama semua pihak. Kajian ini berharap akan menyumbang kepada literatur program homestay di Malaysia berkaitan isu semasa dan pembangunan program homestay yang akan menjadi rujukan asas kepada penyelidik pelancongan masa hadapan.

Rujukan

- Ahmad, M.Z., Ibrahim, J.A., & Zakaria, N. (2011). Homestay as a socioeconomic community development agent: From UUM Tourism Management students perspective. *Proceedings PERKEM VI*, 2, 481-493.
- Bohm, A., Davis, D., Meares, D., & Pearce D. (2002). *Global Student Mobility 2025: Forecasts of the global demand for international higher education*. Retrieved from <http://www.idp.com>.
- Che Leh, F., & Omar, B. (2013). *The growth and achievement of agro-tourism in Malaysia, 2000-2012. Proceedings of the 3rd Regional Conference on Tourism Research*. 29-31 October. 40-52.
- Din, K.H. (1997). Indigenization of tourism development: Some constraints and possibilities. In M. Oppermann (Ed.), *Pacific rim tourism* (pp. 76-81). Wallingford, CABI.
- Gunasekaran, N., & Anandkumar, V. (2012). Factors of influence in choosing alternative accommodation: A study with reference to Pondicherry, a coastal heritage town. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 62, 1127-1132.
- Hussin, R., & Kunjuraman, V. (2014). Pelancongan mapan berasaskan komuniti (CBT) melalui program homestay di Sabah, Malaysia. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 10(3), 160-174.
- Kunjuraman, V. (2016). Potensi pembangunan pelancongan homestay berasaskan aktiviti pengkulturan rumpai laut di daerah Semporna, Sabah, Malaysia (Master dissertation). Retrieved from Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah.
- Kunjuraman, V., & Hussin, R. (2017). Challenges of community-based homestay programme in Sabah, Malaysia: Hopeful or hopeless? *Tourism Management Perspectives*, 21, 1-9.

- Kunjuraman, V., Hussin, R., & Yasir, S.M. (2015). Challenges of seaweed community-based homestay programme in Sabah, Malaysian Borneo. *Proceedings of the Hospitality & Tourism Conference 2015, Melaka, Malaysia*. 2-3 November.
- MATTA. (2018). MATTA lauds RM100m matching grant on tourism promotions. Retrieved from <https://www.matta.org.my>
- Mapjabil, J., & Che Ismail, S. (2012). Program homestay di Sungai Semilang, Pulau Pinang: Pembangunan dan perubahan persekitaran. In Mapjabil, J. & Din K.H. (Eds.), *Pelancongan di Malaysia: Isu-isu penyelidikan terpilih* (pp. 135-153). Sintok, Universiti Utara Malaysia.
- Mapjabil, J., Che Ismail, S., Rahman, B., Masron, T., Ismail, R., & Zainol, R.M. (2015). Homestays: Community programme or alternative accommodation? A re-evaluation of concept and execution. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 11(12), 1-8.
- Mohammed, B. (2008). *Pelancongan lestari*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Nor, N.A., & Kayat, K. (2010). *The challenges of community-based homestay programmes in Malaysia. Proceedings of Regional Conference on Tourism Research (RCTR 2010)*, Penang. 13-14 Dec.
- MOTAC. (2014). *Garis Panduan Pendaftaran Homestay Malaysia*. Retrived from <http://www.motac.gov.my>.
- MOTAC. (2018). Statistik homestay yang berdaftar sehingga 31 Ogos 2018. Retrieved from <http://www.motac.gov.my>.
- Pusiran, A.K., & Xiao, H. (2013). Challenges and community development: A case study of homestay in Malaysia. *Asian Social Science*, 9(5), 1-17.
- Richardson, K. (2002). The role of homestay hosts in international education, *Annual Conference of the Australian and New Zealand Comparative and International Education Society*.
- Tourism Malaysia. (2018). Statistics of tourist arrivals. Retrived from <https://www.tourism.gov.my>.
- Yong Pau Lin. (2010). *Kajian penyertaan komuniti setempat dalam kegiatan pelancongan di Kampung Pukak, Kiulu, Sabah (Masters dissertation)*. Retrieved from Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah.